



HASIL pendapatan MAIDAM digunakan untuk program membantu golongan miskin, asnaf dan menaja pelajar melanjutkan pengajian.

# Wang zakat bantu asnaf, taja pelajar ke luar negara

B/H 13/6/12 MS 18.

**?** SEBAGAI umat Islam, saya bangga dengan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) yang sentiasa berusaha meningkatkan sumber kewangannya untuk membiayai pelbagai program kebajikan khususnya membantu umat Islam yang memerlukan bantuan seperti golongan fakir miskin.

Dalam bidang pendidikan, MAIDAM juga banyak membiayai tajaan pelajar anak Terengganu ke luar negara seperti ke beberapa universiti di Asia Barat. Syabas diucapkan kepada MAIDAM sebagai antara agensi agama yang disegani di negeri ini.

Cuma apa yang saya ingin tahu, selain sumber pendapatan kewangan menerusi pembinaan premis perniagaan dan bangunan pejabat untuk disewa atau dijual serta memajukan tanah milik MAIDAM, tanah wakaf dan Baitulmal, apakah sumber lain untuk membiayai program membantu golongan miskin, asnaf dan menaja pelajar melanjutkan pengajian.

Ini kerana MAIDAM juga dikatakan terbabit dalam

bidang penanaman menerusi projek penanaman kelapa sawit. Setakat ini berapa banyak hasil yang diperolehi menerusi tanaman itu.

**INGIN TAHU 2012,**  
*Bandar Permaisuri, Setiu.*

**T**ERIMA kasih kerana melihat secara positif segala usaha dilakukan MAIDAM terutama berkaitan program membantu umat Islam miskin dan golongan asnaf yang sememangnya menjadi tuntutan agama.

Selain golongan asnaf, kita juga membiayai pelajar yang layak melanjutkan pengajian ke universiti termasuk ke luar negara khususnya di Asia Barat.

Sebenarnya semua program pembiayaan membantu fakir miskin, golongan asnaf dan fisabilillah, MAIDAM menggunakan wang zakat pendapatan, zakat perniagaan, zakat fitrah dan lain-lain zakat yang diwajibkan ke atas setiap umat Islam yang layak membayarnya.

Tahun lalu MAIDAM memperoleh RM86.4 juta hasil kutipan zakat, yang mana da-

ripada jumlah itu 23 peratus ialah zakat pendapatan manakala 21 peratus lagi zakat perniagaan dan wang inilah yang digunakan untuk membantu fakir miskin, asnaf dan fisabilillah. Tahun ini kita sasarkan kutipan zakat sebanyak RM100 juta.

Mengenai pertanyaan Ingin Tahu 2012 berkaitan pembabit MAIDAM dalam penanaman kelapa sawit, memang kami turut terbabit mengusahakan tanaman itu yang diuruskan Terengganu Development Management (TDM) Berhad, anak syarikat milik kerajaan negeri.

Untuk pengetahuan, MAIDAM dikurniakan tanah di Mukim Kuala Jengai, Dungun seluas 1,300 hektar oleh kerajaan negeri dan menerusi Fasa 1, seluas 670 hektar telah dimajukan TDM Berhad, manakala Fasa 2 sedang dalam proses kelulusan kerajaan negeri, juga akan ditanam kelapa sawit mulai awal tahun depan.

Fasa 1 membabitkan kawasan tanaman seluas 670 hektar itu dilaksanakan secara usaha sama dengan TDM menerusi perjanjian yang di-

tandatangani pada 10 Mac 1997 dengan tempoh pajakan selama 30 tahun dan pilihan lanjutan 30 tahun lagi.

Keuntungan bersih hasil jualan sawit dibahagi mengikut pecahan dipersetujui iaitu 68 peratus untuk TDM, manakala MAIDAM sebanyak 32 peratus dan 10 peratus daripada keuntungan kasar setiap tahun digunakan sebagai yuran kepada TDM yang bertanggungjawab mengurus ladang berkenaan.

Setakat ini, hasil keuntungan sudah dibayar kepada MAIDAM untuk 2010 berjumlah RM136,553 manakala tahun lalu meningkat hampir tujuh kali ganda kepada RM932,568.

Pendapatan inilah digunakan bagi pelaburan hartanah menerusi pembelian aset dan pembinaan premis perniagaan untuk manfaat umat Islam di negeri ini termasuk turut membiayai program membantu golongan miskin, asnaf dan menaja pelajar melanjutkan pengajian dalam dan luar negara.

**WAN HARUJAN SULAIMAN,**  
*Ketua Pegawai Eksekutif  
(CEO) MAIDAM.*